

# Hishammuddin 'belajar semula' di sekolah rendah



**HISHAMMUDDIN** Tun Hussein sambil diiringi Yusof Harun (kanan) memerhati Ketua Pengarah Unesco, Koichiro Matsuura menandatangani buku tetamu pada pameran *Celebrating 50 Years of Malaysia's Education Accomplishments* di Ibu Pejabat Unesco, Paris, Perancis, semalam.

UM-414/2007  
**PARIS** 3 April - Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein 'kembali semula' ke bilik darjah hari ini untuk mempelajari selanjutnya tentang program mengintegrasikan pelajar cacat penglihatan dengan rakan sebaya mereka yang normal di sebuah sekolah rendah.

Sambil duduk di bangku di bilik darjah, beliau bertanya dengan penuh minat kepada cikgu Valerie Rouget mengenai cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program seperti itu, peralatan yang diperlukan dan bentuk kelonggaran yang perlu ada bagi menjadikan inisiatif itu satu kejayaan.

"Saya memang percaya bahawa pelajar cacat penglihatan harus diintegrasikan dengan kanak-kanak normal di sekolah," katanya ketika melawat Ecole Elementary - satu-satunya sekolah rendah di Paris dengan kelas untuk pelajar cacat penglihatan.

Rouget memberitahu Hishammuddin, ada lapan pelajar di bawah jagannya, berumur antara 6 dan 12 tahun, yang mempelajari subjek seperti Matematik dan Bahasa Perancis.

Hishammuddin yang kagum dengan apa yang disaksikannya di sekolah itu yang dibina pada 1886, memberitahu pegawai yang mengiringi beliau dan Pengetua sekolah itu, Thierry Jallerat bahawa beliau mengabadikan dalam ingatan apa yang akan dilakukan sekembalinya

ke tanah air kelak.

"Meskipun bilik darjah perlu kecil dengan tidak lebih daripada 12 pelajar, kepimpinan sekolah dan kelas serta guru yang mempunyai autonomi untuk menentukan kemajuan pelajar, amat mustahak.

"Hubungan sekolah-ibu bapa juga amat penting bagi kejayaan pelaksanaan program berkenaan," kata Hishammuddin yang diiringi dalam lawatan itu oleh Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan di kementerian berkenaan, Datuk Yusoff Harun dan Timbalan Pengarah Bahagian Latihan Guru, Datin Asariah Mior Shahrudin.

## Lawatan

Delegasi itu turut disertai Anggota Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Razali Ismail dan Anggota Parlimen Cameron Highlands, S. K. Devamany, seorang bekas guru.

Lawatan ke sekolah itu, yang mempunyai pelajar berjumlah 360 orang, merupakan sebahagian daripada jadual padat Hishammuddin hari ini, iaitu hari kedua dalam lawatan empat hari beliau ke sini.

Beliau kemudian dijadual meraikan delegasi 192 anggota tetap UNESCO (Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu) dalam jamuan tengah hari dan melawat Institut Antarabangsa bagi Perancangan Pendidikan.

- Bernama